



PERTEMUAN
ANTARA
SAINS ASAS
DAN PERUBATAN

SEKSUALITI MANUSIA

disunting oleh
HATTA SIDI

Kandungan

Senarai Jadual, Rajah dan Gambar ... 7
Prakata ... 15

- BAB 1 *Seksualiti Manusia: Pertemuan Sains Asas dan Perubatan ... 17*
Hatta Sidi
- BAB 2 *Cupak Tegak yang Diini: Gelora Berahi Kitaran Seksualiti yang Datang Silih Berganti ... 21*
Ng Eng Teng dan Hatta Sidi
- BAB 3 *Merancang Keluarga: Hendak Seribu Daya dan Jika Tidak Mahu Seribu Dalih ... 34*
Nur Iwana Abdul Taib dan Hatta Sidi
- BAB 4 *Seksualiti dan Ekspresi Sensualiti dalam Kalangan Warga Emas: Di Mana ada Kemahuan di Situ ada Jalan ... 47*
Jane Lim Tze Yn dan Hatta Sidi
- BAB 5 *Menyegarkan Kupasan Dimensi Biopsikososial dalam Rawatan Keinginan Seksual Wanita ... 57*
Nurul Ain Mohamad Kamal dan Hatta Sidi
- BAB 6 *Hajat Hati yang Tidak Kesampaian: Ejakulasi Prematang dari Perspektif Perawatan Psikologi dan Psikofarmakoterapi ... 74*
Eu Choon Leng dan Hatta Sidi
- BAB 7 *Hanya Jauhari Juga Mengenal Manikam: Rahsia Sukses Penetrasi Vagina bagi Penderita Vaginismus Melalui Pendekatan Ginekologi ... 89*
Robli Ari Wicaksono dan Peter T. Paik

Bab 3

Merancang Keluarga: Hendak Seribu Daya dan Jika Tidak Mahu Seribu Dalih

Nur Iwana Abdi Talib dan Hatta Sidi

Pendahuluan

Seksualiti manusia boleh didefinisi secara umumnya sebagai 'keseluruhan pengalaman, sistem, sifat dan tingkah laku yang mencirikan perasaan seksual, pembiakan dan keintiman manusia' (Grebe & Drea 2017). Apabila kita bercakap mengenai seksualiti, antara perkara yang muncul dalam benak kita ialah jimak untuk memakmurkan dunia dengan kehadiran zuriat. Justeru, hal berkaitan dengannya sudah pasti merupakan perkara pertama yang difikirkan, iaitu ia ialah sebagai proses pembiakan manusia yang menjadi iltizam asas dalam pembentukan sesebuah keluarga.

Apabila kita berbincang tentang hal seksualiti, sudah pasti isu yang berkaitan dengan pembiakan, atau reproduktif dan pembentukan keluarga menjadi perkara yang paling penting bagi sesebuah pasangan itu (Benagiano, Carrara & Filippi 2009). Namun begitu, untuk memastikan keluarga yang dibentuk adalah berkualiti, kita haruslah berkebolehan untuk merancang kelahiran anak dengan bijak. Ini akan membantu agar anak yang lahir dapat menerima pendidikan, tempat berteduh yang sempurna dan kasih sayang yang secukupnya daripada kedua ibu bapa mereka.

Dari zaman generasi terdahulu, kaedah merancang keluarga semula jadi telah menjadi kaedah yang digunakan untuk mengelak dan merancang kehamilan. Kendatipun demikian, kadar keberkesanannya adalah amat rendah. Kini pelbagai kaedah kontraseptif moden yang lebih berkesan telah wujud bagi memudahkan pasangan merancang

keluarga dengan jayanya. Kaedah moden tersebut boleh bersifat sementara atau kekal, seperti penggunaan hormon atau di sebaliknya. Kepelembagaan ini membolehkan pasangan membuat pilihan yang sesuai dengan kendaan mereka.

Melalui kaedah kontraseptif dan teknik persenyawaan tanpa hubungan kelamin, isu seksualiti tidak lagi dikaitkan sepenuhnya dengan pembiakan manusia dan begitu juga sebaliknya. Melalui arus pemodenan, manusia sudah semakin mampu merancang kehidupan seksual mereka.

Keluarga Terancang Tunjang Kebahagiaan Kehidupan

Membina sebuah keluarga bahagia merupakan impian hidup majoriti pasangan yang telah berkahwin. Namun begitu, di zaman sekarang yang penuh dengan cabaran, adalah satu keperluan bagi setiap pasangan untuk merancang keluarga. Keluarga yang bahagia menjamin kesejahteraan hidup sekaligus menjadi tunjang penting yang membolehkan produktiviti dalam mencapai matlamat hidup seseorang individu.

Merancang keluarga adakah ia bermaksud kita tidak boleh mempunyai bilangan anak yang ramai? Terpujulah kepada setiap pasangan bagi merancangnya mengikut kemampuan mereka. Ada pasangan yang mampu membina keluarga yang besar kerana mempunyai kemudahan seperti kewangan dan masa. Ada juga pasangan yang kurang berkemampuan kerana mempunyai anak yang ramai dan sumber kewangan yang terbatas. Justeru, kita haruslah bijak merancang bilangan kelahiran anak, agar tidak terbeban kelak.

Akan tetapi, apakah faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum seseorang itu bersedia membina keluarga? Setiap individu mempunyai cabaran yang berbeza dalam hidup dan mereka perlu menghadapi cabaran tersebut sebelum bersedia untuk membawa hidup baru ke dunia ini. Ada individu yang tidak mempunyai kesihatan yang sempurna, manakala individu yang lain mungkin tidak mampu dari segi masa kerana sibuk menstabilkan ekonomi sendiri. Oleh itu, amatlah penting bagi seseorang untuk mengenalpasti apakah cabaran mereka sendiri dalam kehidupan dan mengatasi cabaran tersebut sebelum membina keluarga. Dengan merancang, keluarga yang terbina akan pasti berkualiti dan terjamin di masa hadapan (Rajah 3.1).